



## Bantuan e-dompet RM200 diperluas kepada mahasiswa yang layak - PM

April 8, 2023 @ 9:41am



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) beramah mesra bersama mahasiswa UiTM Shah Alam semalam selepas menunaikan solat Jumaat dan solat Hajat. - foto BERNAMA

SHAH ALAM: Kerajaan akan memperluas bantuan e-Dompot 2023 kepada semua mahasiswa yang berkelayakan di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata langkah itu adalah bagi memastikan bantuan tersebut dapat dimanfaatkan oleh golongan berkenaan.

"Saya akan putuskan supaya e-Dompet boleh dimanfaatkan semua mahasiswa," katanya ringkas pada Sesi Dialog Perdana Menteri bersama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Se-Malaysia semalam.

Isu itu dibangkitkan oleh seorang wakil pelajar yang mendapati Belanjawan 2023 meletakkan kategori penerima bantuan e-Dompet berjumlah RM200 adalah individu berusia 18 hingga 20 tahun, menyebabkan sebahagian mahasiswa tidak mendapat manfaat selain tidak boleh memohon bantuan bagi kategori bujang.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, turut memberi jaminan bahawa Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin akan mengadakan beberapa rancangan segera bagi memastikan akses internet di semua kampus di seluruh negara dalam keadaan baik.

"Arahan kita sekarang untuk Kerajaan Perpaduan, syarat pertama mesti memastikan akses (internet) ini menyeluruh di seluruh negara," katanya.

Menjawab pertanyaan berkaitan harga tiket penerbangan domestik yang tinggi, Perdana Menteri berkata beliau akan berbincang dengan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berhubung perkara itu.

"Tetapi ini di luar skop kerajaan (harga tiket penerbangan) kecuali dengan beri subsidi. Ini masuk akal dan mungkin kita perlu berunding dengan syarikat penerbangan. (Mungkin) setahun sekali diberikan... boleh, nanti kita bincang," katanya. – BERNAMA